

09/11/1999

Malam Panca Delima bagaikan sudah hilang taraf prestij

FESTIVAL Filem Malaysia Ke-14 (FFM14), yang juga pesta filem bertaraf nasional terakhir abad ini malam kelmarin, menyimpulkan pelbagai penilaian sama ada bercorak kejutan, rungutan atau kekesalan.

Begitulah lumrah sebuah festival atau pesta. Sememangnya bermula hari pertama lagi sudah kedengaran rungutan di kalangan karyawan dan jemputan kerana masalah tertentu. Daripada masalah kelewatan menghantar jemputan membawalah kepada pengisian acara yang kurang berkesan.

Kemudian ia dikejutkan dengan pengumuman di Malam Panca Delima apabila keputusan dalam beberapa pencalonan dianggap tidak teliti. Ia dikatakan kurang mengikut aspek tertentu berdasarkan kaedah dan ilmu perfileman sebenarnya dan sesetengahnya terkesan oleh pengaruh sampingan seperti masalah populariti.

Kejutan itu juga bukan kerana prejudis terhadap pemenang, tetapi ada beberapa kategori yang penilaiannya dikatakan tidak mengikut kriteria dari segi istilah kategori itu sendiri.

Malah, kajian dan penilaian terhadap mutu lakonan seseorang itu bukan dari segi kaedah lakonan yang betul seperti kategori Pelakon Wanita Terbaik, Pelakon Harapan Lelaki dan Pelakon Harapan Wanita, selain kategori Skor Muzik Terbaik, Cerita Terbaik, Penataan Bunyi Terbaik dan Lakon TV Terbaik.

Paling mengejutkan ialah penerima trofi Pelakon Wanita Terbaik yang dimenangi oleh Amy Mastura menerusi filem Puteri Impian arahan Aziz M Osman.

Amy dipilih sebagai pemenang, sekali gus menafikan keberkesanan lakonan berbakat lain yang disifatkan lebih baik seperti Normah Damanhuri dalam Jogho, Nina Juren Haniff (Lenjan), Maizurah Hamzah (Nafas Cinta) dan Nasha Aziz (Bara).

Aziz sendiri yang menerima ucapan tahniah bersama sedikit senyuman melalui kemenangan Puteri Impian, sekadar berkata: "Alah, anugerah kasihan!"

Sementara beberapa karyawan, pencinta filem dan pelakon yang ditemui juga kelihatan hairan, tidak faham atau sedih dengan beberapa keputusan panel juri kerana bagi mereka, pemenang itu belum layak atau tidak mencapai kelayakan sebenar.

Berikutan itu, mereka mula mempertikai barisan juri Malam Panca Delima kerana separuh daripadanya didakwa belum mencapai tahap kelayakan juri berdasarkan ilmu perfileman dan pengalaman dalam seni filem.

Juri untuk bahagian filem ialah Prof Datuk Dr Wan Hashim Wan Teh, Prof Madya Dr Naim Ahmad, Datuk L Krishnan, Raja Aznil Raja Hisham, Mohd Najib Md Nor, Zakaria Ariffin, Datuk Ahmad Dassilah Mohd Yusof dan Datin Umi Kalthum.

Juri bagi bahagian Telemovie ialah Datuk Zain Hamzah, Abdullah Zainol, Prof Madya Dr Asiah Sarji, Hamzah Hussin dan Amir Muhammad.

Ada juga yang mengatakan keputusan untuk Filem Terbaik, Pengarah Terbaik dan Pelakon Lelaki Terbaik yang ketiga-tiganya dimenangi menerusi filem Jogho sebagai langkah menyelamatkan diri kerana filem itu sudah diterima di peringkat antarabangsa, apa lagi ia memenangi empat hadiah utama dalam Anugerah Skrin '98/99, baru-baru ini.

Kategori Pelakon Harapan Lelaki dan Pelakon Harapan Wanita yang masing-masing dimenangi Eizlan Yusof dan Nasha Aziz disifatkan tidak sesuai kepada mereka dari segi maksud kategori itu.

Ia sepatutnya diberikan kepada bakat baru yang tampil buat kali pertama dalam lakonan filem selain menghasilkan mutu lakonan berkesan, bukannya mereka yang sudah banyak kali berlakon drama dan pernah dianugerahkan Pelakon Pembantu Lelaki Terbaik dalam festival sebelum ini.

Secara kesimpulan, Malam Panca Delima sempena FFM14 bagaikan sudah hilang taraf prestijnya. Lalu, jika memang begitu hakikatnya, sekali lagi kita terpaksa merungkai kekalutan silam. Daripada masalah kuantiti filem kembali kepada masalah kualiti. Kemudian berbalik kepada pemasaran, disiplin dan tanggungjawab seni.

Kepada keseluruhan masalah, kita harus menganggap ia sekadar pelajaran daripada sesuatu pengajaran. Ke arah memartabatkan industri filem dan seni negara, kita harus kembali bersama dalam satu pembentukan nilai dengan semangat dan kesedaran untuk kemajuan semua anak seni dan imej negara.

Dalam pada itu, petikan kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan yang dimuatkan dalam buku cederahati Panca Delima - FFM14 tentunya mempunyai fungsi tersendiri ke arah masa depan industri filem Melayu di abad ke 20 nanti seperti berikut: "Festival Filem Malaysia ke-14 (FFM14) adalah festival filem yang pasti dikenang sebagai penutup kegiatan perfileman pada abad ini.

"Saya percaya festival ini boleh dijadikan kayu pengukur kepada kejayaan karyawan perfileman di Malaysia," katanya.

(END)